

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 FEBRUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 22

Perlu ada keazaman, kesungguhan jayakan hasrat PM perkasa TVET


Perlu ada keazaman, kesungguhan jayakan hasrat PM perkasa TVET

SHAH ALAM – Penyedia latihan awam dan swasta serta pihak industri perlu mempunyai kesungguhan dan keazaman bagi memastikan industri dilibatkan sepenuhnya dalam pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), seperti saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (PKPB), Mohammad Rizan berkata, walaupun saranan ini bukanlah sesuatu yang baharu, tetapi ia menuntut keazaman semua pihak khususnya penyedia latihan awam dan swasta serta pihak industri.

“Mengambil contoh beberapa program seperti Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), Perantis Industri Menengah Atas (PIMA) dan Teaching Factory (TEFA).

“Kesemua ini adalah antara program yang pernah diilhamkan dengan penglibatan industri tetapi tidak begitu mem-



MOHAMMAD RIZAN

beri impak besar memandangkan soal-soal urus tadbir pelaksanaan yang tidak memihak sepenuhnya kepada industri,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Jelasnya, kaedah itu dianggap sebagai latihan kemahiran tidak formal dan menyukarkan pembangunan kerjaya tanpa persijilan dan pengiktirafan formal kerajaan.

“Jika latihan yang dikendalikan industri sepenuhnya ini diformalitikan dengan adanya persijilan dan pengiktirafan tertentu maka ia akan memberi banyak manfaat kepada semua serta mengurangkan kos latihan secara mendadak,” katanya.

Tambahnya lagi, ini secara tidak langsung akan mengubah landskap latihan TVET negara yang mana orang ramai akan melihat alam pekerjaan bukan sebagai tempat bekerja dan punca sumber pendapatan semata-mata tetapi sebagai pusat latihan, pengembangan bakat serta potensi.

“Sudah tiba masanya kita serius dalam membudayakan pembelajaran sepanjang hayat demi kesejahteraan ekonomi dan sosial bersama.

“Keazaman ini menuntut komitmen sosial yang tinggi dan semangat nasionalisme terpuji agar tidak mementingkan keuntungan semata-mata tanpa menyumbang penuh kepada pembangunan modal insan negara,” ujarnya.

Rancang kerjasama dengan swasta perkasa TVET

PUTRAJAYA - Kerajaan bercadang mewujudkan kerjasama strategik dengan pihak swasta termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah itu dilihat berupaya menyelesaikan masalah ketidaksepadanan dan memenuhi keperluan pasaran.

“Saya mengesyorkan supaya ada langkah segera (iaitu) kajian dan jawatankuasa untuk memastikan pelajar dilatih dan mendapat pekerjaan dengan pendapatan yang munasabah,” katanya dalam satu sidang akhbar di Putrajaya pada Khamis.

Menurutnya, syarikat swasta atau GLC dicadangkan mengambil alih institusi TVET untuk melatih, mengurus dan menggunakan kepakaran.

“Contohnya di Pengerang boleh

di Pekan dalam bidang automobil, Sunway dan Berjaya untuk latihan perhotelan, pelancongan dan perkhidmatan umum,” jelasnya.

Bellau berkata, kelompok daripada syarikat konglomerat Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary juga boleh mengambil sebahagian dalam usaha itu.

“Bajet 2023 memperuntukkan RM6.7 bilion, jabatan dan agensi serta 500 Institut kemahiran latihan awam dengan pelatih atau pelajar sekitar 250,000 orang,” kata bellau.

Anwar berkata, jawatankuasa kabinet dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi akan mengenal pasti syarikat swasta yang boleh membantu institusi TVET.

“Ini keputusan besar dan minta tindakan diambil segera manakala selainnya kita akan jelaskan dalam pembentangan belanjawan pada 24

Laporan
Sinar
Harian
pada 3
Februari
2023.